



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 72**

**6hb Jun 2019**

**No. 12**

---

---

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

**No. 982.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

[P.U. (A) 155/1977]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH KUANTAN

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Kuantan bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 21 Jun 2019 (Jumaat) jam 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Bandar Indera Mahkota, Kuantan Pahang.

1. Semua permohonan untuk lesen baru, pembaharuan lesen, pertukaran alamat pelesen atau pindah milik lesen bagi tempoh mulai dari 1 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019 hendaklah dibuat di dalam borang "Eksais 27" yang telah ditetapkan (dalam lima salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais Kuantan di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dan mesti sampai sebelum 30 hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

2. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon-pemohon sendiri iaitu:

- (i) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurang 30 hari sebelum mesyuarat itu diadakan; dan

- (ii) dengan mengiklan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (i) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan.

Bertarikh Mei 2019  
[PDT.Ktn.M-07 Jld. 3]

YM. TENGKU DATO' NOR ASMALIZA BINTI KU LAH  
*Pegawai Daerah Kuantan*  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan Eksais Daerah*  
*Kuantan*

**No. 983.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
[P.U. (A) 155/1977]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH ROMPIN

Adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Rompin Bil. 2/2019 bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Rompin pada 18 Jun 2019 (Selasa) jam 2.30 petang.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tahun 2019 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan enam (6) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Rompin di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Rompin sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru, lesen sementara dan permohonan bagi premis yang baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

Bertarikh 10 Mei 2019  
[PD.Rom.001.01.367 Jld. 3]

DATO' MOHD ZULKIFLI BIN HASHIM  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan Eksais Daerah*  
*Rompin*

**No. 984.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
[P.U. (A) 155/1977]

## MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH RAUB

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Raub bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 13 Jun 2019 jam 10.00 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi Setengah Tahun Kedua 2019 hendaklah dibuat dalam borang yang telah ditetapkan (dalam 4 salinan) dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Raub, d/a Pejabat Daerah dan Tanah Raub dan mesti sampai pada atau sebelum 31 Mei 2018.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

Bertarikh 2 Mei 2018  
[PDR.KP.13/015/0005 (44)]

DATO' HAMDAN BIN HUSSIN  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan Eksais Daerah*  
*Raub*

**No. 985.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
[P.U. (A) 155/1977]

## MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH BENTONG

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bentong bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan, Blok B, Pejabat Daerah dan Tanah Bentong pada 26 Jun 2019 (Rabu) jam 9.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tahun 2019 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan enam (6) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bentong di alamat Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru, lesen sementara dan permohonan bagi premis yang baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Bentong.

Bertarikh 14 Mei 2019  
[PD. Btg. (P) LES 5/91 2019 Jld. 2]

TENGGU AZUDDIN SHAH  
BIN TG. ALANG  
*Setiausaha*  
*Lembaga Pelesenan Eksais Daerah*  
*Bentong*

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984  
(Act 313)

**No. 986.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 10

NOTIFICATION UNDER SECTION 10

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Perhutanan Negara 1984, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengelaskan sebahagian kawasan tanah di dalam Hutan Simpan Gunung Aais (Tambahan), Mukim Ulu Tembeling, Daerah Jerantut seperti mana ditandakan serta ditunjukkan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan Ukur No. P.W. 5348 yang disimpan di Pejabat Pengarah ukur dan Pemetaan Negeri Pahang yang mempunyai keluasan + 14,733 hektar sebagai Hutan Tadahan Air mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by section 10 of the National Forestry Act 1984, the Pahang State Director of Forestry with the approval by the State Authority classifies a portion of land in Reserve Forest Gunung Aais (Additional), Mukim Ulu Tembeling, District of Jerantut as delineated and shown edge in grey upon Survey plan No. P.W. 5348 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang State which comprises + 14,733 hectares to be a Water Catchment Forest with the effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

[PHN.Phg.Pem. 118/247 (34)] DATO' DR. MOHD HIZAMRI BIN MOHD YASIN  
*Pengarah Perhutanan Negeri*  
*Pahang*

## ENAKMEN RIZAB MELAYU

(N.M.B Bab 142)

## MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

(F.M.S Cap. 142)

**No. 987.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 182.5 hektar (451 ekar), Mukim Pedah, Daerah Jerantut yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 1680 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Putat (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 182.5 hectares (451 acres), Mukim of Pedah, District of Jerantut as delineated upon Survey Plan No. P.W. 1680 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as melayu Putat Malay Reservation (Additional).

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTJ. 6.745/86]DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang***No. 988.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah seluas 115.3 hektar (284.8 ekar), Mukim Bentong, Daerah Bentong yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 1227 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Sungai Mandin Lebu.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang, with the approval of Ruler of the State of Council declares the land measuring an area of 115.3 hectares (284.8 acres), Mukim of Bentong, District of Bentong as delineated upon Survey Plan No. P.W. 1227 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Sungai Mandin Lebu Malay Reservation.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
PT. Btg: 27/B/2(14)

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 989.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 80.433 hektar, Mukim Semantan, Daerah Temerloh yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5170 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu yang dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Kemasul (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 80.433 hectares, Mukim of Semantan, District of Temerloh as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5170 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Kemasul Malay Reservation (Additional).

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTT. 352/101/30/2011/0]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 990.**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)

DECLARATIONS UNDER SUBSECTION 3(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 232.98 hektar, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5028 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi Kawasan Simpanan Melayu dan dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Balok (Tambahan).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 232.98 hectares, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5028 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, to be a Malay Reservation and to be known as Balok Malay Reservation (Additional).

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTK. 3/5/106.SJ. 215]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 991.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)  
REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 79.94 hektar, yang dikenali sebagai Lot 26891, Mukim Semantan, Daerah Temerloh yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 277922 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Semantan menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu G.N 2437-27* dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 79.94 hectares, known as Lot 26891, Mukim of Semantan, District of Temerloh as delineated upon Survey Plan No. P.A. 277922 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which are forming part of Semantan Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette G.N 2437-27*, to be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTT. 352/101/30/2011/01]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

**No. 992.**

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)  
REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 232.744 hektar, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5033 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Sungai Balok

menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 610 yang disiarkan pada 22 Oktober 1981, dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land measuring an area of 232.744 hectares, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5033 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which is forming part of the Sungai Balok Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government *Gazette* No. 610 published on the 22 October 1981 be revoked from forming parts of the said Malay Reservation.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTK. 3/5/106. SJ. 215]

DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL  
*Menteri Besar*  
*Pahang*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

### No. 993.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 10,294 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 110769, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 282840, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai Tapak Sekolah Agama Rakyat Hassan Al-Banna (KAFA), di Sungai Ular, di bawah kawalan dan diselenggara oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority has reserved a land measuring an area of 10,294 square metres, known as Lot 110769, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 282840, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public



purpose to wit a site for the Sekolah Agama Rakyat Hassan Al-Banna (KAFA), at Sungai Ular, to be under the control and maintained by the Director of the Pahang Islamic Religious Department.

Bertarikh 25 Oktober 2018

Dated 25 October 2018  
[PTK. 3/5/1333]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 994.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akte 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 4,365 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 100464, Mukim Bera, Daerah Bera yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 283637 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai Tapak Perkuburan Kaum India, di Gugusan FELDA Tembangau, di bawah kawalan Pegawai Daerah Bera dan diselenggarakan oleh Pengerusi Persatuan Kaum India Gugusan FELDA Tembangau.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 4,365 square metres known as Lot 100464, Mukim of Bera, District of Bera as delineated upon Survey Plan No. P.A. 283637, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Indian Cemetery, at Gugusan FELDA Tembangau, to be under the control of the Bera District Officer and maintained by the Chairman of the Indian Association of Gugusan FELDA Tembangau.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PT. Bera. 2/B/370/12/12]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 995.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 15,936 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 28145, Mukim Triang, Daerah Bera yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 130845 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai Tapak Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Bera, di Padang Luas, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 15,936 square metres known as Lot 28145, Mukim of Triang, District of Bera as delineated upon Survey Plan No. P.A. 130845, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Office of Department of Drainage and Irrigation of Bera District, at *Padang Luas*, to be under the control of the State Secretary and maintained by the Director Department of Drainage and Irrigation of Pahang State.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PT. Bera. 2/T/370/3/02  
(PENDUA)]SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang***No. 996.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 10,045 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 16107, Mukim Teriang, Daerah Bera yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 94235 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai Tapak Kawasan Lapang (Padang Permainan Kanak-kanak), di Taman Triang Maju, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Bera.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring and area of 10,045 square metres known as Lot 16107, Mukim of Teriang, District of Bera as delineated upon Survey Plan No. P.A. 94235, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Open Area (Children's Playground), at Taman Triang Maju, to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Bera District Council.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTB. 370/20/2001]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 997.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1,841 meter persegi yang dikenali sebagai Lot 16101, Mukim Teriang, Daerah Bera yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 94225 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai Tapak Kawasan Lapang (Padang Permainan Kanak-kanak), di Taman Triang Maju, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Bera.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring and area of 1,841 square metres known as Lot 16101, Mukim of Teriang, District of Bera as delineated upon Survey Plan No. P.A. 94225, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Open Area (Children's Playground), at Taman Triang Maju, to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Bera District Council.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTB. 370/21/2001]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 998.**

(Seksyen 64)

PEMBATALAN PERIZABAN

(Section 64)

REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 1004 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 22 Julai 2010, Pihak Berkuasa Negeri, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] telah merizabkan tanah seluas 689 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 5173, Mukim Kerdau, Daerah Temerloh, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.A. 138590 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Masjid di Kampung Ketam.

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 1671 pada 27 Oktober 2016;

Dan bahawasanya, pada masa dan tarikh yang ditetapkan bagi siasatan, Pentadbir Tanah Daerah Temerloh tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

Whereas, by Notification No. 1004 published in the States Government of Pahang *Gazette* on 22 July 2010, the State Authority, in exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56/1965*] has reserved the land comprising an area of 689 square metres, known as Lot 5173, Mukim of Kerdau, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. P.A. 138590 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Mosque at Kampung Ketam.

And whereas, a notice of the proposal to revoke the aforesaid the whole of reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56/1965*] was published in the Government of Pahang *Gazette* Notification No. 1671 on 27 October 2016;

And whereas, on the date and time fixed for inquiry, the Land Administrator of Temerloh District did not receive any objection to the proposal;

Now therefore, it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority revokes the whole of the aforesaid reservation.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTT. 370/29/2006/04]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 999.**

(Seksyen 64)

PEMBATALAN PERIZABAN

(Section 64)

REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 1332 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* pada 23 Disember 1993, Pihak Berkuasa Negeri, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] telah merizabkan tanah seluas 73.05 hektar, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. P.W. 1955 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Pusat Serenti di Gambang.

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 794 pada 24 April 2008;

Dan bahawasanya, pada masa dan tarikh yang ditetapkan bagi siasatan, Pentadbir Tanah Daerah Kuantan tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

Whereas, by Notification No. 1332 published in the States Government of Pahang *Gazette* on 23 December 1993, the State Authority, in exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56/1965*]

has reserved the land comprising an area of 73.05 hectares, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. P.W. 1955 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Rehabilitation Centre at Gambang.

And whereas, a notice of the proposal to revoke the aforesaid the whole of reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [Act 56/1965] was published in the Government of Pahang *Gazette* Notification No. 794 on 24 April 2008;

And whereas, on the date and time fixed for inquiry, the Kuantan Land Administrator did not receive any objection to the proposal;

Now therefore, it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority revokes the whole of the aforesaid reservation.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PTK. 3/3/24631]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1000.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 3743 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu* bertarikh 21 Jun 1926, Residen Pahang, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 telah merizabkan tanah seluas 4.262 ekar, dikenali sebagai Lot 130, Mukim Triang, Daerah Temerloh, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. 6796 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak perkuburan Islam di Kubu.

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri bercadang keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dibatalkan;

Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis akan cadangan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, untuk membatalkan keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan keseluruhan perizaban tanah tersebut akan didengar oleh Pentadbir Tanah Bera pada satu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Bera pada 1 Julai 2019 pada jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 3743 published in the Federated Malay State Government *Gazette* on 21 June 1926, the Resident of Pahang, in exercise of the powers conferred by section 9 of the Land Enactment 1911 has reserved the land comprising an area of 4.262 acres, known as Lot 130, Mukim of Triang, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. 6796 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for a place for interment of the dead of the Muhammadan community at Kubu.

And whereas, the State Authority proposes that the whole of the aforesaid reservation be revoked;

Now therefore, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code, of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object such revocation will be heard by the Land Administrator of Bera at an enquiry to be held at the Bera District and Land Office on 1 July 2019 at 10.00 a.m.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PT.Bera/2/T/352/579/15]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1001.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 130 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu* bertarikh 29 Disember 1925, Residen Pahang, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 telah merizabkan tanah seluas 0.845 ekar, dikenali sebagai Lot 824, Mukim Bera, Daerah Bera, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. 6591 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak perkuburan Islam di Bera.

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri bercadang keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dibatalkan;

Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis akan cadangan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, untuk membatalkan keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dan mana-mana orang yang

berhasrat untuk membantah pembatalan keseluruhan perizaban tanah tersebut akan didengar oleh Pentadbir Tanah Bera pada satu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Bera pada 1 Julai 2019 pada jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 130 published in the Federated Malay States Government of Pahang *Gazette* dated 29 December 1925, the Resident of Pahang, in exercise of the powers conferred by section 9 of the Land Enactment 1911, has reserved the land comprising an area of 0.845 acre, known as Lot 824, Mukim of Bera, District of Bera, as delineated upon Survey Plan No. 6591 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for a place for interment of the dead of the Muhammad community at Bera.

And whereas, the State Authority proposes that the whole of the aforesaid reservation be revoked;

Now therefore, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code, of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object such revocation will be heard by the Land Administrator of Bera at an enquiry to be held at the Bera District and Land Office on 1 July 2019 at 10.00 a.m.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PT.Bera/2/B/352/189/15]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1002.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 6005 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu* bertarikh 9 September 1925, Residen Pahang, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 telah merizabkan tanah seluas 4.512 ekar, dikenali sebagai Lot 458, Mukim Bera, Daerah Bera, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. 6447 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak perkuburan Islam di Batu Bor.

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri bercadang keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dibatalkan;



Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis akan cadangan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, untuk membatalkan keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan keseluruhan perizaban tanah tersebut akan didengar oleh Pentadbir Tanah Bera pada satu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Bera pada 1 Julai 2019 pada jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 6005 published in the Federated Malay State Government *Gazette* dated 9 September 1925, the Resident of Pahang, in exercise of the powers conferred by section 9 of the National Land Code has reserved the land comprising an area of 4.512 acres, known as Lot 458, Mukim of Bera, District of Bera, as delineated upon Survey Plan No. 6447 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for a place for interment of the dead of the Muhammadan community at Batu Bor.

And whereas, the State Authority proposes that the whole of the aforesaid reservation be revoked;

Now therefore, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code, of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object such revocation will be heard by the Land Administrator of Bera at an enquiry to be held at the Bera District and Land Office on 1 July 2019 at 10.00 a.m.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PT.Bera/2/B/352/186/15]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1003.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 335 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu* bertarikh 10 September 1964, Raja dalam Mesyuarat melalui subseksyen 24(i) Kanun Tanah Negara 1926 dan perwakilan kuasa kepada Menteri Besar melalui Ordinan Perwakilan Kuasa 1952, Menteri Besar telah merizabkan tanah seluas 1.007 ekar, dikenali sebagai Lot 1693, Mukim Bera, Daerah Temerloh, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. 21746 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak masjid.

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri bercadang keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dibatalkan;

Maka, oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis akan cadangan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, untuk membatalkan keseluruhan perizaban tanah tersebut di atas dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan keseluruhan perizaban tanah tersebut akan didengar oleh Pentadbir Tanah Bera pada satu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Bera pada 1 Julai 2019 pada jam 10.00 pagi.

Whereas, by Notification No. 335 published in the State Government of Pahang *Gazette* on 10 September 1964, the Ruler in Council, in exercise of the powers conferred by subsection 24(i) of the Land Code 1926 and delegation to the Menteri Besar by virtue of Delegation of Power Ordinance 1952, Menteri Besar has reserved the land comprising an area of 1.007 acres, known as Lot 1693, Mukim of Bera, District of Temerloh, as delineated upon Survey Plan No. 21746 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for Mosque.

And whereas, the State Authority proposes that the whole of the aforesaid reservation be revoked;

Now therefore, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code, of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object such revocation will be heard by the Land Administrator of Bera at an enquiry to be held at the Bera District and Land Office on 1 July 2019 at 10.00 a.m.

Bertarikh 15 April 2019

Dated 15 April 2019  
[PT.Bera/2/B/352/005/16]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Clerk of Council*  
*State of Pahang*

**No. 1004.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR  
PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 1113 yang disiarkan pada 7 Disember 1989, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah mengisytiharkan tanah seluas 5,085 hektar (12,565 ekar), Mukim Penyor, Daerah Pekan yang dilukis di atas Pelan Ukur No. P.W. 1681 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi suatu rizab bagi maksud awam iaitu kegiatan pelancongan di bawah kawalan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang.

Dan bahawasanya, Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan sebahagian perizaban tersebut iaitu seluas 40.46 hektar (100.0 ekar) menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*];

Maka, oleh yang demikian, menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan sebahagian perizaban tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Pahang di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang pada 25 Jun 2019 jam 9.00 pagi.

Dan bahawasanya, Pemberitahuan *Warta* No. 300 yang telah disiarkna dalam *Warta* Kerajaan Negeri Pahang pada 14 Mac 2019 adalah dibatalkan.

Whereas by Pahang State Government of Pahang *Gazette* No. 1113 published on 7 December 1989, the State Authority in exercise of the powers conferred on him by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*] has proclaimed the land comprising an area of 5,085 hectares (12,565 acres), Mukim of Penyor, District of Pekan delineated upon Survey Plan No. P.W. 1681 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for tourism activities to be under the control of the Director of the Pahang Forestry Department.

And whereas, the State Authority proposes to revoke a part of the aforesaid reservation measuring an area of 40.46 hectares (100.0 acres) pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*];

Now therefore, pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], notice is hereby given that the State Authority proposes to revoke a part of reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect to it will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the Office of the Pahang State Director of Lands and Mines on the 25 June 2019 at 9.00 a.m.

And whereas the *Gazette* Notification No. 300 which was published in the Pahang State Government *Gazette* dated 14 March 2019 is hereby revoked.

Bertarikh 8 Mei 2019

Dated 8 May 2019

[PTG.Phg.(ML). 16/015/06/08.2012]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA

BIN SYED ABDUL RAHMAN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Pahang/*

*Clerk of Council*

*State of Pahang*

**No. 1005.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN: TUNGGAKAN SEWA

Kepada Gainhill Marketing Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 413048-P), yang beralamat di A-385 Tingkat 1, Beserah Jaya, 25300 Kuantan, Pahang, tuanpunya tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran Terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
P.N.		2019	2017-2018	Denda Lewat 2017-2018	Notis 6A	
23437	0134438	8,913.00	17,826.00	1,784.00	10.00	28,533.00
Mukim Kuala Kuantan						

Bertarikh 20 Februari 2019  
[PTK. 5/3/2431]

*Pentadbir Tanah  
Kuantan*

## TAMBAHAN

Kepada MIT Land Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 613751-A) yang beralamat di Block A2-G-9, Jalan Mewah 4, Pandan Mewah, 68000 Ampang, Selangor dan kepada Hamdan bin Jaafar (KP. 510911-06-5033) yang beralamat di Lot 6/87, Batu 4 1/2, Beserah, 26100 Pahang. Kaveator.

